

TARIKH 11.7.2019 (KHAMIS)
MEDIA BERITA HARIAN
MUKA SURAT 12

Teroka ekonomi digital, Revolusi Industri 4.0

Kuala Lumpur: Ekonomi digital dan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang menjadi tumpuan banyak sektor perniagaan ketika ini memiliki peluang luas buat generasi muda menerokai pasaran dunia tanpa memerlukan modal besar, namun berusaha menjana pulangan tinggi.

Usahawan digital yang juga ahli Persatuan Usahawan Internet Malaysia, Faizal Mukhtar berkata bagi mencapai sasaran itu, ilmu dan

pengetahuan diperlukan bagi membolehkan mereka meneroka peluang dengan cara betul dan tidak berisiko.

"Apabila ekonomi berubah ke dunia digital, kita kena lebih peka apa yang berlaku secara dalam talian. Dunia digital ini setiap waktu dan detik, memerlukan untuk kita peka dengan perubahan iklim dalam lingkungan persekitaran ekonomi dunia yang semakin pesat.

"Kalau kita teliti iklim perniaga-

aan dunia lima hingga 10 tahun lalu, ia sudah jauh berbeza dengan sekarang. (Sekarang) kita sudah bincang mengenai penggalungan perniagaan, Revolusi Industri 4.0.

"Jadi mungkin ramai daripada Bumiputera belum dimaklumkan mengenai perkara ini. Apabila kita terlewat walaupun sedikit, kita akan ketinggalan lebih jauh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

lintas langsung bersama BH sempena program Bicara BH, yang mengupas topik Antara Tempang dan Tongkat', diisarkan menerusi platform Facebook Live BH, semalam.

Ditanya sama ada pemberian subsidi dan bantuan kerajaan diperlukan dalam memastikan perniagaan dan usahawan Bumiputera ini boleh berkembang maju, Faizal berkata ia bergantung kepada keperluan pemohon dan usahawan itu.

"Tongkat (bantuan kerajaan) secara perihadi perlu jika mahu Tongkat dan tempang itu hangat dan kuat ilus kerana yang sebaliknya ia perlu bermula dengan modal insan (kesedaran mengenai kemampuan diri).

"Mereka perlu menggunakan apa yang ada di hadapan mata kemudian membuat rangkaian dan jalinan keusahawanan dan perniagaan. Disinilah sebenarnya modal (perniagaan)," katanya.